



09 NOV, 2020

## • Cuaca tidak menentu, penularan wabak Covid-19

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### • Cuaca tidak menentu, penularan wabak Covid-19

#### Peniaga alami kerugian

**KUCHING:** Cuaca yang tidak menentu diikuti dengan penularan wabak Covid-19 telah mencekupkan kerugian dalam kalan-jan peniaga sayur-sayuran di Kubah-Ria.

Pengeluaran sayur-sayuran juga mengalami sedikit kekurangan terutamanya sewaktu musim hujan kerana ia mengganggu pertumbuhan sayur-sayuran.

Menurut Graen Tingga, 50, seorang peniaga sayuran di sini pengeluaran sayur-sayuran semakin berkurang berikut dengan keadaan cuaca yang tidak menentu dan jumlah sayur yang dijual juga berkurang.

"Cuaca yang tidak menentu mengakibatkan hasil tanaman tidak menjadi dan hanya sedikit sahaja kuantiti yang dapat dijual.

"Hal ini memberi kesan kepada hasil jualan tambahan lagi dengan penularan wabak Covid-19 yang mengakibatkan jumlah pelanggan semakin berkurang dan harga sayur juga meningkat," ujarnya.

Di samping itu, Ajit Francis, 67, seorang pesara kerajaan menyatakan bahawa pengeluaran sayuran telah berkurang semenjak penularan Covid-19 kerana jumlah pembeli juga turut

berkurang dan ia memberi impak kepada peningkatan harga jualan sayuran.

"Kesukaran para pembekal untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain kerana penularan wabak tersebut mengakibatkan bekalan sayuran yang kami terima juga tidak sebanyak sebelum ini."

"Jika ikutkan cuaca sekarang memang banyak tanaman yang tidak menjadi dan ada sesetengah peniaga menggunakan kaedah fertigasi untuk mengurangkan jumlah tanaman yang rosak akibat cuaca yang tidak menentu sekarang.



GRAEN Tingga



AJIT Francis



NURQIAH Aminudin

"Buat masa sekarang, kami juga menghantar sayur-sayuran kepada beberapa tempat jualan yang lain secara borong untuk menambahkan hasil jualan," jelasnya sewaktu ditemui oleh Utusan Sarawak di pasar tani Kubah Ria, semalam.

Di samping itu, Nurqiah Aminudin, 43, seorang

peniaga tetap di sini turut memaklumkan bahawa harga sayur yang meningkat diakibatkan oleh isu yang dihadapi pada ketika ini.

"Pengeluaran sayur setakat ini seperti biasa akan tetapi kami tidak mampu untuk membeli dalam jumlah yang banyak dari pihak pembekal

kerana bimbang ia mudah rosak.

"Setelah penularan Covid-19, jumlah pelanggan sudah semakin berkurang dan hal ini merupakan salah satu faktor jumlah sayur yang dijual kepada pelanggan juga berkurang kerana takut mengalami kerugian yang banyak," tambahnya.



09 NOV, 2020

- Cuaca tidak menentu, penularan wabak Covid-19

---

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Peniaga alami kerugian

KUCHING: Cuaca yang tidak menentu dengan penularan wabak Covid-19 telah mencetuskan kerugian dalam kalangan peniaga sayur-sayuran di Kubah Ria. Pengeluaran sayur-sayuran juga mengalami sedikit kekurangan terutamanya sewaktu musim hujan kerana ia mengganggu pertumbuhan sayur-sayuran. Menurut Craen Tinno, 50, seorang peniaga sayuran di sini pengeluaran -sayuran semakin berkurang berikutan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu dan jumlah sayur yang dijual juga berkurang.

"Cuaca .